

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B. Setiap bahagian hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang berasingan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA (2) soalan**

1. Voltaire (1694 - 1778) dan Auguste Comte (1798 - 1857) adalah di antara beberapa orang ahli fikir Barat yang mempunyai pandangan-pandangan sinis tentang agama. Nyatakan pandangan-pandangan tersebut; kemudian huraikan secara kritis berdasarkan kefahaman anda tentang kecenderungan beragama sebagai suatu keperluan fitrah manusia.
2. Bagi umat Islam, al-Quran merupakan wahyu Allah yang telah diturunkan-Nya kepada Nabi Muhammad s.a.w. Anda dikehendaki menghuraikan tentangnya dari sudut-sudut berikut:
  - [a] Kesahihannya dan
  - [b] Cara penghayatannya yang berkesan.
3. Di dalam konsep ketuhanan Islam, Allah mempunyai sifat-sifat kesempurnaan-Nya yang mutlak. Jelaskan maksud kenyataan ini berdasarkan kandungan surah al-Ikhlas dan ayat al-Kursi (surah al-Baqarah, 255).

**BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan**

4. Ibadah dalam Islam adalah suatu tuntutan yang syumul. Ianya merupakan lambang pertautan hati antara hamba dan Khaliq. Berdasarkan ini bincangkan beberapa perkara berikut:

- [a] Maksud ibadah menurut pandangan Islam yang sebenarnya.
- [b] Kenapa berlaku salah faham terhadap konsep ibadah.
- [c] Bagaimana sesuatu ibadah itu dapat mencapai kesempurnaannya
- [d] Kenapa aqidah dijadikan sebagai teras kepada syariah.

5. Perkahwinan merupakan suatu tuntutan yang selaras dengan kehendak naluri. Bagaimana pandangan Islam terhadap perkahwinan. Anda hendaklah menjawab berdasarkan fakt-fakta berikut:

- [a] Perkahwinan berteraskan iman dan taqwa.
- [b] Naluri dan agama adalah selaras.
- [c] Perkahwinan tanpa asas keimanan tidak membahagiakan.
- [d] Kesejahteraan dan kebahagiaan sesebuah keluarga Islam bergantung rapat kepada akhlak suami isteri.

6. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nur ayat 31: yang bermaksud:

Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya, dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung (seumpama mini telekong) kedadanya...."

Demikian arahan Allah s.w.t. supaya setiap wanita Islam wajib menutup 'auratnya daripada pandangan lelaki ajnabi. Berdasarkan maksud ayat berkenaan bincangkan status 'aurat wanita Islam yang merdeka dan sahaya apabila berhadapan dengan golongan-golongan berikut:

- [a] Lelaki ajnabi (bukan muhram).
- [b] Lelaki yang muhram seperti bapa, bapa mertua, ayah tiri, anak saudara dan seumpamanya.

- [c] wanita-wanita kafir atau wanita-wanita yang tidak jelas akhlaknya.
- [d] Bagaimana aurat wanita Islam terhadap orang tua yang masih mempunyai nafsu shahwat dan kanak-kanak yang telah mengetahui kedudukan aurat wanita.

-ooooooo-